KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	11/11/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	KeTSA			

Dasar Tenaga Negara tampung keperluan pengguna EV

HM
11.11.2021_29

Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri sedang merangka Dasar Tenaga Negara bagi memastikan aspek berkaitan bekalan elektrik negara mampu menampung keperluan pengguna kenderaan elektrik (EV) selain sektor perindustrian dan isi rumah.

Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali memberitahu Dewan Rakyat semalam, keperluan penggunaan tenaga negara itu perlu diberi perhatian serius dari segi peralihan kepada kenderaan EV atau kenderaan cekap tenaga (EEV) bagi menggantikan kenderaan yang dijana secara enjin pembakaran dalaman (ICE).

"EPU merangka dasar tenaga negara untuk memastikan bekalan mencukupi dan peralihan kepada EEV dan industri EV ini perlu dibuat secara berhati-hati.

"Antara langkah kerajaan lakukan sekarang ialah menggalakkan pengeluaran dan pemasangan EEV yang turut merangkumi elektrik dan hibrid," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz (Pas-Bachok).